



ORANG ramai dijemput mendapatkan maklumat pengajian tinggi pada Pameran Pendidikan Facon di beberapa lokasi seluruh negara yang akan bermula pada 17 Mac 2012 ini.

Pameran Pendidikan Facon di seluruh negara

KUALA LUMPUR 14 Mac - Pameran Pendidikan Facon yang diadakan di beberapa lokasi di seluruh negara bermula 17 Mac ini bakal menjadi penyelesaian terhadap masalah kekeliruan dihadapi oleh pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ingin melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam atau luar negara.

Menurut kenyataannya hari ini, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) akan menjadi lokasi untuk ibu negara selain beberapa tempat lain termasuk di Sabah dan Sarawak.

Pameran kali ke-32 itu akan disertai oleh 25 IPT terkemuka dari negara-negara Eropah iaitu Jerman, Perancis, Ireland, Sepanyol, Romania, Republik Czech dan United Kingdom.

Pameran itu turut mendapat penyertaan daripada IPT awam dan swasta seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Putra

Malaysia (UPM), Universiti Taylor, Universiti Nottingham dan lain-lain lagi.

"Selain itu, pameran pendidikan berkenaan akan menepatkan satu sudut informasi biasiswa dan bantuan kewangan yang disertai oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dan agensi-agensi lain.

"Antara program semasa pameran itu nanti ialah pembentangan akademik, ujian personaliti, kerjaya serta ceramah.

"Pengunjung digalakkan membawa slip peperiksaan dan dokumen berkaitan bersama untuk mendapat penilaian tepat oleh kaunselor dan wakil IPT berkenaan," kata kenyataan itu.

Untuk maklumat lanjut berkenaan pameran tersebut, sila layari laman web, www.faconex.com atau sertailah laman sosial Facon, www.facebook.com/faceoneducationfair/.